



Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

PERDANA Menteri memerhatikan juadah yang dihidangkan ketika Perhimpunan Agung Umno ke-34 semalam berhenti rehat

Rakyat diseru hentikan tabiat malas berusaha

PERDANA Menteri menyeru rakyat Malaysia supaya menghentikan tabiat malas bekerja dan duduk bersenang-senang tanpa berusaha, seperti yang telah meresapi masyarakat negara-negara maju di Barat.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, dalam keadaan kemeclesen ekonomi dunia sekarang, rakyat perlu bekerja keras untuk meningkatkan daya pengeluaran, di samping mengamalkan sikap berjiwat cermat.

"Pada masa kita berada, kita boleh berbelanja dengan berpatutan, tetapi pada waktu kita daif, kita mesti menerima kenyataan bahawa perbelanjaan mesti dikurangkan. Inilah cara yang selamat bagi semua orang," katanya.

Bellau berkata, sewaktu negara kekurangan

wang, tidak ada tindakan yang lebih berkesan selain mengikat perut dan bekerja lebih kuat.

"Ini sememangnya dituntut oleh agama kita. Insyallah, melalui tindakan ini, kemewahan akan kembali semula dan sekali lagi kita akan hidup bahagia," ujarnya.

Dalam ucapan dasarnya di Persidangan Agung Umno ke-34 di sini semalam, Perdana Menteri sekali lagi mengulang bahawa negara Barat sudah tidak sesuai lagi untuk diteladani.

Amalan

"Orang Barat sekarang bukan seperti orang Barat di zaman mereka menakluki dunia dahulu. Mereka sudah menukar falsafah hidup sehingga seseorang dapat membuat apa sahaja yang didorong oleh kepentingan atau keseronokan diri,

tanpa mengambil kira ketenteraman masyarakat.

"Jika mereka ingin berbogel di khalayak ramai, ini dianggap hak dan tidak siapa pun yang patut dan boleh melarang. Jika mereka ingin kahwin atau bersekedudukan — walaupun lelaki sesama lelaki atau perempuan — ini hak mereka juga," katanya disusuli tepukan gemuruh dari perwakilan.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, pekerja di Barat juga boleh bekerja jika mereka suka, tetapi jika tidak bekerja, majikan atau pemerintah mestilah membiayai sara hidup mereka, sama seperti pada waktu mereka bekerja.

"Dengan itu ramai yang memilih untuk tidak bekerja," tambahnya.

Kerana gejala-gejala

begini, tegas bellau, kerajaan memutuskan untuk mengurangkan pengaruh Barat dan meningkatkan pengaruh Timur supaya satu perseimbangan tercapai.

Di Timur, katanya, sifat dan amalan yang dianggap baik oleh masyarakat negara ini dan memang membawa kesan yang baik masih tebal jika dibandingkan dengan di Barat.

"Orang Timur masih mementingkan hidup beradat dan beradab. Mereka masih mengutamakan kesejahteraan masyarakat. Sementara individu berhak, tetapi haknya tidaklah sehingga dibenarkan mengganggu ketenteraman masyarakat seperti berbogel, bersekedudukan, membelakangkan adat resam, menyalahgunakan dadah dan malas bekerja yang tidak diterima oleh masyarakat Timur," katanya lagi.